

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 20: 18 Mei 2026

UPSI laksana e-Perkasa SPM 2026 bantu 664 anak warga ATM

Kuala Lumpur, 14 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melaksanakan Program e-Perkasa SPM 2026, inisiatif pendidikan strategik Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bagi membantu anak-anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membuat persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata program itu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dan Yayasan LTAT dalam memastikan kebijakan pendidikan keluarga ATM terus diperkasa menerusi akses kepada pembelajaran berkualiti dan sokongan akademik yang menyeluruh.

Beliau berkata kerjasama strategik melibatkan institusi pendidikan tinggi seperti UPSI itu mampu memperluaskan peluang pendidikan kepada anak-anak warga ATM, khususnya mereka yang memerlukan bimbingan tambahan bagi meningkatkan pencapaian akademik.

"Program seperti e-Perkasa SPM bukan sahaja membantu meningkatkan

dalam membina keyakinan diri, motivasi serta masa depan generasi muda keluarga ATM," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Program PROWIRA – Ready to Work (RTW) Graduan dan Inisiatif Pendidikan Yayasan LTAT 2026 di Royale Chulan Kuala Lumpur hari ini. Majlis itu turut menyaksikan penyerahan replika cek sumbangan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Yayasan LTAT, termasuk sumbangan berjumlah RM376,488 kepada UPSI bagi pelaksanaan Program e-Perkasa SPM 2026.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, peningkatan penyertaan daripada 80 pelajar pada tahun lalu kepada 664 pelajar tahun ini membuktikan keyakinan tinggi Yayasan LTAT terhadap keupayaan universiti menyediakan sokongan akademik yang sistematik, berstruktur dan berkualiti. Md Amin berkata program berkenaan bukan sekadar platform tuisyen dalam talian, sebaliknya menjadi model intervensi pendidikan digital yang menyeluruh menerusi penggunaan teknologi pembelajaran, analisis prestasi, pemantauan akademik dan pendekatan mentor-mentee.

"UPSI komited untuk terus memainkan peranan sebagai peneraju pendidikan negara dengan menterjemahkan kepakaran akademik, pedagogi dan khidmat komuniti kepada program yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat, khususnya keluarga ATM," katanya. Menurut beliau e-Perkasa SPM 2026 dilaksanakan bermula April hingga Oktober 2026 menerusi pendekatan pembelajaran digital melibatkan lima mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.

"Bagi memastikan pelaksanaan program berjalan lancar dan berkesan, Fakulti Pembangunan Manusia UPSI dipertanggungjawabkan sebagai fakulti pelaksana utama dengan kerjasama UPSI Holdings Sdn. Bhd.," katanya.

Antara komponen utama program e-Perkasa ialah kandungan pembelajaran komprehensif, analisis prestasi pelajar, intervensi akademik awal, laporan analitik pembelajaran serta dashboard pengurusan bagi memastikan setiap pelajar menerima sokongan mengikut tahap pencapaian masing-masing.

kesiapsiagaan pelajar menghadapi peperiksaan, malah menjadi platform penting



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



PTB UPSI lancar tiga Inovasi Digital perkasakan Perpustakaan Pintar berasaskan AI

Tanjong Malim, 7 Mei - Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan tiga produk inovasi digital berimpak tinggi iaitu Pembantu Digital atau Chatbot AI (B.U.D.I), Katalog Akses Awam Bersepadu Pelbagai Sumber (MinPAC) dan Repositori Pengurusan Pengetahuan (uMIND) bagi memperkukuh ekosistem perpustakaan pintar berteraskan kecerdasan buatan (AI) di universiti itu.

Ketua Pustakawan PTB, Noriha Muhammad berkata pelancaran ketiga-tiga platform itu menandakan anjakan paradigma dalam kaedah capaian maklumat warga universiti daripada sistem tradisional kepada persekitaran digital yang lebih responsif, pantas dan bersepadu. Beliau berkata inisiatif berkenaan turut selaras dengan aspirasi UPSI untuk memperkukuh pendigitalan pendidikan serta memperkasa budaya ilmu menerusi penggunaan teknologi pintar. "Pelancaran uMIND, MinPAC dan B.U.D.I. merupakan komitmen PTB dalam memenuhi

keperluan generasi masa kini yang menuntut akses maklumat yang cepat, tepat dan mudah dicapai.

"Kami bukan sekadar mendigitalkan bahan rujukan, malah memberi nilai tambah melalui integrasi teknologi AI dan sistem carian pintar yang mampu meningkatkan pengalaman pengguna," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut beliau, sistem uMIND dibangunkan sebagai repositori pengetahuan dan memori korporat universiti yang menghimpunkan pelbagai bahan ilmiah dan dokumentasi penting institusi. Katanya, platform itu merangkumi kandungan seperti perkongsian pengetahuan, sejarah lisan, dokumentasi pencapaian universiti serta arkib program keilmuan yang boleh diakses menerusi fungsi 'Smart Search' dan 'Full Text Search'.

"uMIND berperanan sebagai pusat pemeliharaan warisan intelektual universiti selain memudahkan penyelidikan dan warga kampus memperoleh bahan rujukan digital secara lebih sistematik dan efisien.

NCDRC UPSI terima pengiktirafan AMBR

Tanjong Malim, 16 Mei - Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima pengiktirafan khas daripada *Amazing Malaysian Book of Records* (AMBR) atas pencapaian Tadika Bitara UPSI yang mencatat sejarah sebagai prasekolah pertama di Malaysia diiktiraf Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (UNESCO). Pengiktirafan itu disampaikan Pengasas dan Pengarah Urusan AMBR, Prof. Datuk Er. Inv. Ts. Dr. Santharasekaran Subramaniam semasa lawatan rasmi beliau ke NCDRC UPSI.

Menurut NCDRC, pencapaian tersebut mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasa pendidikan awal kanak-kanak yang

berkualiti, holistik dan bertaraf antarabangsa.

Pendekatan pendidikan yang dilaksanakan turut memberi penekanan kepada pembangunan menyeluruh kanak-kanak merangkumi aspek intelek, emosi, sosial, sahsiah serta nilai kemanusiaan sejak peringkat awal.

"Pencapaian ini membuktikan potensi besar pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia untuk diangkat ke peringkat global," menurut kenyataan NCDRC pada Jumaat. Kejayaan itu turut mengukuhkan kedudukan UPSI dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak serta menjadi penanda aras kepada institusi pendidikan tempatan dalam usaha mencapai standard global.



Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UPSI 2026 Bersama Talentbank

Tanjong Malim, 13 Mei - berlangsung Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UPSI 2026 bersama Talentbank di Panggung Percubaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menghimpunkan pelajar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta pelajar institusi pengajian tinggi awam sekitar negeri Perak.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peluang kerjaya, pembangunan kemahiran serta potensi dalam bidang keusahawanan. Karnival ini turut mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 1,126 pengunjung orang sepanjang program berlangsung.

Pada sesi pagi, turut diadakan ceramah keusahawanan bersama Mazwin Rubaizah Mazlan, Timbalan Ketua Daerah Usahanita Daerah Muallim dengan tajuk "Peluang Kerjasama Perniagaan Dengan Usahanita Muallim". Ceramah ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peluang kerjasama dan pembangunan perniagaan bersama komuniti usahawan tempatan.

Selain itu, sesi perkongsian bersama Muhammad Syukran Jamil, Pensyarah Diploma Teknousahawan, TVET MARA Kuala Lumpur turut diadakan bagi memberi inspirasi serta panduan kepada pelajar dalam bidang keusahawanan dan pembangunan kerjaya. Sepanjang karnival ini berlangsung, para pelajar berpeluang mengunjungi

24 booth pameran kerjaya yang disertai oleh pelbagai syarikat, agensi kerajaan dan organisasi industri.

Melalui penyertaan ini, pelajar dapat memperoleh maklumat secara langsung mengenai peluang pekerjaan, latihan industri serta keperluan kemahiran yang diperlukan oleh majikan dalam pasaran kerja semasa.

Selain itu, sesi *Mentor Hot Seat* turut diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar berinteraksi secara langsung dengan mentor dan pakar industri. Sesi ini membolehkan pelajar mendapatkan pandangan, nasihat kerjaya serta perkongsian pengalaman daripada individu yang berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Karnival ini juga menyediakan sesi *Mock Interview*, iaitu simulasi temu duga yang dikendalikan oleh wakil industri. Melalui aktiviti ini, pelajar dapat merasai pengalaman sebenar sesi temu duga, meningkatkan keyakinan diri serta menerima maklum balas yang berguna untuk memperbaiki kemahiran komunikasi dan persembahan diri. Pada sesi petang pula, telah berlangsung seminar bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang disampaikan oleh Puan Azlina Mohd Mokhtar, Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, bertajuk "Taklimat Persediaan Temu Duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan". Seminar ini memberi panduan kepada pelajar mengenai

persediaan menghadapi temuduga, etika semasa sesi temuduga serta tips meningkatkan keyakinan diri dalam menghadapi proses pengambilan kerja khususnya dalam sektor pendidikan. Dalam sesi perasmian Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UPSI, Ben Ho, Ketua Pegawai Eksekutif Talentbank, turut menekankan kepentingan persediaan awal pelajar dalam menghadapi dunia pekerjaan.

Beliau menyatakan bahawa program seperti ini membantu pelajar memahami keperluan sebenar industri. Selain menggalakkan pelajar untuk memanfaatkan peluang membina rangkaian profesional dan meningkatkan kebolehpasaran diri. Majlis penutup karnival telah disempurnakan oleh Dato' Lewré Lew, *Founder and Chairman of Lewre' Bespoke*, yang turut berkongsi kisah perjalanan hidup serta kata-kata inspirasi kepada para pelajar. Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa kejayaan tidak semestinya bermula dengan kesenangan, tetapi dengan keberanian untuk terus berusaha walaupun berhadapan cabaran. Beliau turut memberi pesanan kepada para pelajar dengan berkata, "Never underestimate your potential. Your background does not determine your future. Your willingness to learn, adapt and persevere will always matter more." Kata-kata ini memberi motivasi kepada para pelajar agar sentiasa berani mencuba, belajar dan tidak mudah berputus asa.

